

Bengkel Menjawab Soalan KBAT


Geografi SPM

2019

Kem Pecutan Akhir Geografi 2018
PPD Hulu Terengganu
8 Oktober 2019



Bengkel 1 - Peta



Soalan

1. Namakan petempatan yang berada di bahagian tenggara peta


berjajar ✗ Kg Cempedak Hilir ✓



2. Berikan RG titik yang paling tinggi di dalam peta di atas dan nyatakan ketinggiannya

RG 891149 ✗ 149891 ✗ 141889 ✓

Ketinggian 416 km ✗ 416 m ✓



3. Nyatakan bearing simpang jalan Kg Putih (RG117877) ke stn trigonometri

◦ 46° ~~X~~ 47°/48°/49° ✓

4. Panjang lebuh raya berkembar daripada RG 120876 hingga ke RG 140862

◦ 4.8 km ~~X~~ 2.6 km ✓

5. Namakan pola petempatan yang wujud di bahagian barat daya peta.

sejajar ~~X~~ berjajar ✓




6. Nyatakan faktor yang menyebabkan wujudnya pola petempatan seperti itu di atas.

- i) Tanah yang subur ✗ Tanah pamah yang rata ✓
- ii) Terdapat kemudahan laluan ✗ Terdapat jalan raya ✓
- iii) Terdapat penanaman padi ✓

7. Nyatakan kesan sekiranya Hutan Rizab Bukit Kayu diteroka untuk aktiviti pembalakan

- i) Menyebabkan habitat flora dan fauna musnah ✓
- ii) Menyebabkan kepupusan flora dan fauna ✓
- iii) Menyebabkan tanah runtuh ✓

Contoh soalan KBAT bahagian peta



Sekiranya kerajaan membenarkan kawasan dalam segi empat grid berikut dimajukan, cadangkan satu kegiatan ekonomi yang tidak menjejaskan alam sekitar di kawasan tersebut.

Berikan alasan anda.


1. Cari petak grid dan tandakan kawasan yang terlibat
2. Perhatikan ciri fizikal yang ada di dalam peta
3. Kaitkan ciri fizikal dengan kegiatan ekonomi yang sesuai


Jawapan :

- kegiatan ekonomi yang sesuai ialah **ekopelancongan**
- kegiatan ini **memelihara habitat flora dan fauna**
- kegiatan ini **tidak mencemarkan sumber air**

Perhatian :

Jika murid tidak memberi jawapan kegiatan ekonomi, maka jawapan alasan tidak diterima walaupun jawapan tersebut adalah betul





Berdasarkan segi empat grid berikut, wajarkan empangan dibina dalam kawasan tersebut?

Kemukakan alasan anda.

1. Cari petak grid dan tandakan kawasan yang terlibat
2. Perhatikan ciri fizikal yang ada di dalam peta
3. Kaitkan ciri fizikal dengan kegiatan ekonomi yang sesuai

Jawapan : Boleh jawab wajar atau tidak tetapi bukan kedua-dua

Wajar kerana

- Banyak sungai
- Kawasan tanah tinggi
- Boleh menghasilkan tenaga hidroelektrik
- Boleh digunakan untuk mengairi kawasan pertanian

Tidak wajar kerana

- Menyebabkan habitat flora fauna musnah
- Menyebabkan kepupusan flora dan fauna
- Menyebabkan tanah runtuh
- Menyebabkan sungai tercemar
- Menyebabkan keseimbangan ekosistem terjejas

90



88

13

15

Bahagian B : Soalan rajah

Peningkatan suhu di bandar menyebabkan kualiti hidup merosot

a) Berikan dua contoh bandar yang sering dikaitkan dengan masalah peningkatan suhu.

o ~~Kangar~~ Kuala Lumpur ✓

o Johor Bahru ✓

[2 markah]

b) Mengapakah peningkatan suhu kerap berlaku di kawasan bandar?

o Kerana terdapat banyak kenderaan Disebabkan oleh asap kenderaan ✓

o Terdapat banyak kawasan petempatan Disebabkan oleh asap kilang ✓

o Aktiviti pembalakan yang giat Kurang litupan tumbuhan hijau ✓

[3 markah]

c) Bagaimanakah peningkatan suhu boleh memberi kesan kepada kualiti hidup penduduk di bandar?

Aktiviti perindustrian meningkat ✗

Penggunaan tenaga elektrik meningkat ✓

Manusia mati ✗

Menjejaskan kesihatan ✓

[2 markah]

Kos hidup meningkat ✓

d) Jika anda seorang perancang bandar, bagaimana cara untuk meningkatkan kualiti udara di kawasan bandar?

Kempen kongsi kenderaan ✓

Penguatkuasaan undang-undang alam sekitar ✓

Pendidikan di sekolah ✗

Meningkatkan kemudahan pengangkutan awam seperti LRT dan monorel ✓

[3 markah]


Menanam pokok dan menghijaukan bandar ✓

Soalan graf

Jadual di bawah menunjukkan pengeluaran petroleum mentah dan gas asli negara X dari tahun 2000 hingga 2004.

Tahun	Pengeluaran Petroleum Mentah (ribu tong sehari)	Pengeluaran Gas asli (ribu tong sehari)
2000	1200	800
2001	1300	1000
2002	1400	1400
2003	2100	2500
2004	2500	2600

Berdasarkan jadual di atas, lukis sebuah graf bar yang menunjukkan pengeluaran gas asli negara X dari tahun 2000 hingga 2004. Gunakan skala 1 cm mewakili 200 ribu tong sehari. (8 markah)



Contoh jawapan graf 1

T – 0 (tidak lengkap)

S – 0 (tiada unit)


PY – 1

PX – 1

B – 0 (tiada unit)

Pengeluaran gas asli
(ribu tong sehari)

Pengeluaran gas asli negara X dari tahun
2000 hingga 2005



Contoh jawapan graf 2

T - 1

S - 1

PY - 1

PX - 1

B - 4

8

Kata kunci soalan mengapa/faktor/sebab/punca

Kata kunci jawapan

1. Tanah pamah dan rata
2. Bahan mentah
3. Permintaan
4. Tenaga buruh
5. Pengangkutan
6. Kemudahan asas
7. Dasar kerajaan

Soalan Esei - Faktor

Mengapakah kawasan Seberang Prai di Pulau Pinang boleh berkembang sebagai kawasan perindustrian utama negara? [6 markah]

Kata kerja	Isi/ fakta	Huraian + contoh	M
terdapat	tanah pamah yang rata	memudahkan membina kilang kerana kos murah	3
terdapat	Kemudahan infrastruktur	Seperti jalan raya dan lebuh raya memudahkan penghantaran barang	2
terdapat	Permintaan yang tinggi	daripada dalam dan luar negara seperti China	3

Soalan Esei - Faktor

Mengapakah kegiatan pertanian kelapa sawit boleh berkembang pesat di Malaysia? [6markah]

Kata kerja	Isi/ fakta	Huraian + contoh	M
terdapat	tanah pamah yang beralun	yang bersaliran baik untuk bekalan air kepada pokok	3
terdapat	Kemudahan infrastruktur	seperti jalan raya memudahkan penghantaran barang ke kilang	3
terdapat	Permintaan yang tinggi	daripada dalam dan luar negara seperti China	3

Kata kunci Sumbangan/ kepentingan/ kesan kepada sosioekonomi/ pembangunan negara

Kata kerja yang boleh digunakan

- Membuka
- Meningkatkan
- Memberi
- Menyediakan
- Mengembangkan
- Memajukan
- Membangunkan
- Membantu

Kata kunci jawapan

1. Peluang pekerjaan
2. Pendapatan negara
3. Kawasan baru
4. Pengangkutan
5. Kemudahan asas
6. Taraf hidup

Soalan Esei – Kepentingan/sumbangan

Mengapakah kegiatan agropelancongan penting kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia? [6 markah]

Kata kerja	Isi/ fakta	Huraian + contoh	M
membuka	peluang pekerjaan	kepada penduduk setempat seperti pemandu pelancong	3
meningkatkan	pendapatan negara	melalui tukaran wang asing daripada pelancong luar negara	3
membuka	Kawasan baru	seperti aktiviti menanam sayuran dan buah-buahan di Kundasang	3

Soalan Esei – Kepentingan/sumbangan

Mengapakah sumber tenaga hidroelektrik wajar dibangunkan di Malaysia?
[6 markah]

Kalau jawab wajar- kepentingan kepada manusia

Kata kerja	Isi/ fakta	Huraian + contoh	M
membuka	peluang pekerjaan	kepada penduduk setempat seperti juruteknik dan jurutera	3
meningkatkan	pendapatan negara	melalui tukaran wang asing daripada pelancong luar negara	3
membuka	kawasan baru	seperti kawasan ekopelancongan di kawasan tasik kenyir	3

Soalan Esei – Kesan

Mengapakah sumber tenaga hidroelektrik wajar dibangunkan di Malaysia? [6 markah]

Kalau jawab tidak wajar wajar- kesan kepada alam sekitar

Kata kerja	Isi/ fakta	Huraian + contoh	M
menyebabkan	Kepupusan flora dan fauna	kerana luas kawasan hutan semakin mengecil	3
Menyebabkan	Kehilangan habitat flora dan fauna	Kerana hutan ditenggelami air	3
menyebabkan	pencemaran air	kerana kelodak air dan bahan pembinaan daripada empangan	3

Kata kunci kesan kegiatan manusia kepada alam sekitar

Kata kerja

Menyebabkan

Kata kunci

1. Kepupusan
2. Kemusnahan habitat
3. Perubahan lanskap
4. Tanah runtuh
5. Suhu meningkat
6. Pencemaran

Soalan Esei – Kesan

Bagaimanakah aktiviti penerokaan sumber tanah boleh memberi kesan kepada persekitaran fizikal? [6 markah]

Kata kerja	Isi/ fakta	Huraian + contoh	M
menyebabkan	Kepupusan flora dan fauna	Kerana pokok ditebang dan tanah gondol	3
Menyebabkan	Kehilangan habitat flora dan fauna	Kerana hutan diganti dengan lading kelapa sawit	3
menyebabkan	pencemaran air	kerana kelodak air mendapan mencemarkan sumber air	3

Soalan Esei – Kesan

Terangkan bagaimana kegiatan ekonomi di kawasan pinggir laut memberi kesan kepada ekosistem pantai dan marin? [6 markah]

Kata kerja	Isi/ fakta	Huraian + contoh	M
menyebabkan	Kepupusan flora dan fauna	tumpahan minyak daripada aktiviti pelabuhan dan kapal	3
Menyebabkan	Kehilangan habitat flora dan fauna	Kerana aktiviti bom ikan di kawasan terumbu karang	3
menyebabkan	pencemaran air	daripada sisa kilang yang disalurkan ke laut	3

Kata kunci langkah/ usaha yang boleh dilakukan untuk mengatasi kesan terhadap alam sekitar

Kata kunci

1. K
2. U
3. P
4. Tanam pokok
5. RnD
6. Guna tenaga mesra alam

Bagaimanakah masalah pencemaran air boleh diatasi?

[6markah]

Kata kerja	Isi/ fakta	Huraian + contoh
mengadakan	kempen kesedaran alam sekitar	kepada orang awam dan masyarakat
Menguatkuasakan	Undang-undang alam sekitar	seperti mengenakan denda
mengadakan	pendidikan alam sekitar	di sekolah-sekolah dan universiti berkenaan

Pada pendapat anda, apakah langkah yang boleh diambil bagi
menghijaukan kawasan bandar? [5 markah]

Kata kerja	Isi/ fakta	Huraian + contoh
mengadakan	kempen kesedaran alam sekitar	kepada orang awam dan masyarakat
Menguatkuasakan	Undang-undang alam sekitar	seperti mengenakan denda
mengadakan	pendidikan alam sekitar	di sekolah-sekolah dan universiti berkenaan